



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

TERMA RUJUKAN

KAJIAN KES *BEHAVIOURAL INSIGHTS* BAGI TAHUN 2020

***IMPROVING WASTE DISPOSAL BEHAVIOUR AMONG THE PEOPLE OF
SEMPORNA, SABAH: A CASE OF BEHAVIORAL INSIGHTS PERSPECTIVE***

KAJIAN KES *BEHAVIOURAL INSIGHTS* BAGI TAHUN 2020

A. PENGENALAN

1. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk melaksanakan program dan inisiatif *Behavioural Insights* (BI) di Malaysia pada tahun 2020, selari dengan aspirasi Kerajaan untuk menggunapakai kaedah BI dalam merancang peraturan dan dasar awam ke arah pengawalseliaan yang berkualiti dan lebih berkesan.
2. Penggubalan dasar berunsurkan perihal tingkah laku menekankan tentang kepentingan mengkaji pelbagai pengaruh, memberi perhatian kepada faktor-faktor sosial, psikologi dan ekonomi yang mempengaruhi pemikiran dan perlakuan seseorang individu. Ianya juga menangani pelbagai maklumat termasuk birokrasi, teknologi dan penyampaian perkhidmatan yang sering diabaikan dalam penggubalan dasar tetapi akan mempengaruhi keberkesanan pembangunan program dan projek secara mendadak, terutamanya dalam konteks berkaitan pendapatan rendah.
3. Penggubalan dasar berunsurkan tingkah laku juga boleh memberi penyelesaian yang kreatif dalam berdepan cabaran yang sukar, selalunya dengan kos yang rendah. Ianya juga dapat membantu penggubal dasar untuk mengelak beberapa perangkap dan sikap berat sebelah dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi semua individu.
4. Pada tahun 2020, sebanyak 10 Kajian Kes BI akan dijalankan oleh MPC dengan penglibatan bersama dari pelbagai pihak seperti universiti tempatan dalam pelbagai bidang kepakaran, *MPC Associate* serta penglibatan dari kementerian-kementerian yang mencalonkan kajian masing-masing.

B. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengaplikasikan *Behavioural Insights* dalam:

- i. Mengenalpasti isu dan permasalahan utama kajian kes;
- ii. Mengenalpasti keadaan semasa permasalahan dan menganalisa kes secara terperinci;
- iii. Menjalankan kajian experimental untuk mengubah tingkah laku penerima; dan
- iv. Mengesyorkan pelan tindakan dan penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan terutamanya dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

C. SKOP KAJIAN

1. Skop bagi Kajian Kes *Behavioural Insights* bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:
 - i. Menganalisa keadaan semasa permasalahan kes dalam perimeter yang telah ditetapkan;
 - ii. Mengenalpasti jurang, isu dan cabaran kes secara terperinci;
 - iii. Mengesyorkan pelan tindakan merangkumi manfaat kepada masyarakat dan negara; dan
 - iv. Memberi cadangan penambahbaikan dan penyelesaian yang bersesuaian.

D. JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan digunakan sebagai input dalam penggubalan polisi awam dan peraturan yang lebih cekap agar ianya selari dengan aspirasi dan keperluan negara.

E. TEMPOH KAJIAN

1. Jangka masa **maksima** kajian adalah dalam tempoh **9 bulan**.
2. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan kajian seiring dengan matlamat MPC, dapatan kajian perlu dikemukakan mengikut peringkat pelaksanaan kajian seperti berikut:
 - i. **Kertas Cadangan**: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada MPC seminggu selepas surat pelawaan dikeluarkan;
 - ii. **Laporan Interim**: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada MPC selepas tiga (3) bulan kajian dijalankan;
 - iii. **Draf Laporan Akhir**: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada MPC setelah 80% kajian selesai dijalankan; dan
 - iv. **Laporan Akhir**: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada pihak pengurusan MPC selepas pemurnian dibuat.

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang tertentu, pihak MPC berhak untuk memohon kerjasama penyelidik membuat pembentangan pada bila-bila masa yang diperlukan.

F. PENYALURAN BAYARAN PROJEK

1. Pembayaran yuran kajian akan dijalankan mengikut terma berikut:
 - i. Pembayaran pertama **(30%)** dibuat selepas kertas cadangan kajian dibentangkan kepada MPC;
 - ii. Pembayaran kedua **(30%)** dibuat selepas Laporan Interim dibentangkan kepada MPC;

- iii. Pembayaran ketiga (**20%**) dibuat selepas Draf Laporan Akhir dibentangkan kepada MPC; dan
- iv. Pembayaran terakhir (**20%**) dibuat selepas Laporan Akhir diserahkan kepada MPC dalam *softcopy* dan *hardcopy*.

G. PENYERAHAN

- 1. Selepas draf laporan akhir kajian dibentangkan kepada MPC dan dimurnikan, perkara-perkara seperti berikut hendaklah dihantar selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh pembentangan:
 - i. Empat (4) naskah Laporan Akhir Kajian yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Inggeris. Laporan Akhir Kajian juga perlu mengandungi Abstrak dan Rumusan Eksekutif.
 - ii. Laporan Akhir Kajian dalam bentuk *softcopy* dan dalam bentuk MS Word; dan
 - iii. Abstrak dan Monograf kajian dalam bentuk *softcopy* dan dalam bentuk MS Word.

H. SKOP TUGAS

1. Ketua Projek yang dilantik mestilah:
 - i. Mengurus ahli kumpulan dan memantau aktiviti kumpulan yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan projek, termasuk pengurusan, kemajuan dan pelaporan projek;
 - ii. Memantau keseluruhan aktiviti projek dan mengatur sebarang perundingan termasuk perbincangan dan/atau mesyuarat bersama orang luar jika diperlukan;
 - iii. Menyelaras kerja-kerja ahli kumpulan agar selaras dengan pelan pelaksanaan projek secara keseluruhan;
 - iv. Menyediakan setiap laporan secara terperinci yang akan dikemukakan dan dibentangkan kepada MPC;
 - v. Bertanggungjawab mengetuai pembentangan kepada Jawatankuasa Pemandu dan Panel Penasihat Terknikal bersama pasukan kerja.
2. Penyelidik bersama yang dilantik mestilah:
 - i. Bekerjasama dengan Ketua Projek dalam menyediakan konsep, rangka kerja, metodologi dan pendekatan terperinci bagi keseluruhan projek;
 - ii. Membantu ketua projek dalam memimpin perkembangan projek, perbincangan dan/atau mesyuarat bersama orang luar dalam menjelaskan objektif dan metodologi projek;

- iii. Memastikan pelaksanaan dan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan projek dikenalpasti; dan
- iv. Menyediakan laporan yang akan dikemukakan dan dibentangkan kepada MPC bersama Ketua Projek.

I. KOS PROJEK PENYELIDIKAN

Kos penyelidikan adalah merangkumi keseluruhan kos yang terlibat bagi menjalankan kajian seperti tiket penerbangan, pengangkutan darat, pembantu penyelidik, kos intervensi, bayaran mencetak laporan akhir (4 naskah dalam Bahasa Inggeris), GST, komisyen kepada universiti dan lain-lain kos yang terlibat.

J. HAK MILIK MPC KE ATAS LAPORAN KAJIAN, REKOD-REKOD DAN DOKUMEN YANG BERKAITAN

- 1. Semua laporan dan data yang berkaitan seperti peta, rajah, lukisan, statistik dan rekod atau bahan yang dikumpulkan atau disediakan dalam tempoh kajian ini adalah sulit dan hendaklah menjadi harta milik MPC sepanjang masa penyediaan kajian dan selepas kajian dilaksanakan.
- 2. Pihak penyelidik tidak boleh bertindak atau melakukan sebarang penyebaran hasil kajian ini tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada MPC.

K. TINDAKAN TATATERTIB

1. MPC berhak mengambil tindakan tatatertib yang bersesuaian ke atas Penyelidik yang telah melanggar syarat-syarat sebagaimana yang termaktub dalam Garis Panduan ini.
2. Sekiranya Penyelidik tidak dapat menamatkan kajian sebagaimana yang telah diamanahkan / dijanjikan, MPC berhak mengambil tindakan tatatertib yang bersesuaian seperti berikut:
 - i. Dana penyelidikan untuk kajian berkaitan akan diberhentikan dan perkara ini akan dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Syarikat berkenaan. Baki dana yang telah disalurkan dan yang masih belum habis digunakan akan digunapakai untuk projek/kajian lain yang akan dikenal pasti kemudian; dan /atau
 - ii. Surat Tunjuk Sebab akan dihantar kepada Penyelidik yang berkaitan; dan / atau
 - iii. Penyelidik berkaitan akan di senarai hitam daripada projek-projek MPC untuk tempoh selama 3 tahun.

L. NOTIS KELEWATAN OLEH PIHAK PENYELIDIK

1. Di dalam keadaan tertentu di mana para penyelidik menghadapi kelewatan dalam melaksanakan kajian, pihak Penyelidik hendaklah dengan segera memaklumkan MPC berkaitan perkara ini secara bertulis dan memohon pelanjutan tempoh yang sesuai bagi menyempurnakan laporan kajian ini. Kelewatan dan pelanjutan tempoh kajian hanya diterima atas persetujuan MPC.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)


TERMA RUJUKAN KAJIAN
(Terms of Reference)

IMPROVING WASTE DISPOSAL BEHAVIOUR AMONG THE PEOPLE
OF SEMPORNA, SABAH: A CASE OF BEHAVIORAL INSIGHTS
PERSPECTIVE

KOS KESELURUHAN PROJEK : RM 99,998.28	
	UKM Pakarunding Sdn Bhd
Fasa 1 (30%)	29,999.48
Fasa 2 (30%)	29,999.48
Fasa 3 (20%)	19,999.66
Fasa 4 (20%)	19,999.66
Jumlah Keseluruhan Kos Projek	RM99,998.28

* Mohon untuk melengkapkan jumlah pembayaran bagi setiap Fasa pembayaran mengikut jumlah keseluruhan pelaksanaan projek.

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah yang dikini



Tandatangan

Nama: **YURINY BIN ADNAN**

Tarikh: **13 Julai 2020**

No. Kad Pengenalan: **791127-14-5367**

Cop Firma:

